

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Serta-Merta

RM88.4 BILION PELABURAN DILULUSKAN DALAM 1H2016

Kuala Lumpur, 22 September 2016 – Pelaburan langsung yang diluluskan dalam sektor-sektor perkhidmatan, perkilangan dan utama pada separuh pertama 2016 (1H2016), berjumlah RM88.4 bilion berbanding dengan RM125.9 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas. Pelaburan yang diluluskan dalam 1H2016 melibatkan 2,499 projek, dan dijangka akan menjana lebih daripada 76,000 peluang pekerjaan. Prestasi pelaburan lebih baik yang dicatatkan dalam 1H2015 disebabkan oleh dua projek petrokimia besar yang diluluskan dalam sektor perkilangan dalam tempoh yang sama tahun lepas, iaitu projek Pengerang di Johor dan projek LNG9 di Sarawak.

"Dengan asas yang kukuh, Malaysia kekal pada landasan pertumbuhan ekonomi yang stabil. Kita terus menarik pelaburan langsung asing (FDI). Sejumlah RM28.2 bilion FDI telah diluluskan pada 1H2016. Pelaburan asing yang telah diluluskan untuk 1H2016 telah mencapai 78.2% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan bagi keseluruhan tahun lepas," kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, hari ini.

Sektor perkhidmatan terus mencakupi bahagian terbesar daripada jumlah pelaburan, menyumbang 76.3% atau RM67.5 bilion, diikuti oleh sektor perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM19.6 bilion atau 22.2%, manakala sektor utama menyumbang baki pelaburan yang diluluskan sebanyak RM1.3 bilion (1.5%).

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan menyumbang bilangan terbesar projek dalam tempoh 1H2016. Sebanyak 2,106 projek telah diluluskan dan akan mewujudkan lebih 44,000 peluang pekerjaan. Lebih daripada 95% daripada pekerjaan ini adalah dalam perdagangan pengedaran, syarikat berstatus MSC, hotel dan pelancongan, pendidikan dan pertubuhan perkhidmatan global.

Dalam sektor perkhidmatan, subsektor hartanah terus menjadi penyumbang utama dengan pelaburan sebanyak RM29.3 bilion, diikuti oleh perkhidmatan kewangan pada RM9.7 bilion, perkhidmatan pertubuhan global pada RM7.3 bilion, perdagangan pengedaran pada RM5.4 bilion dan Status MSC pada RM4.5 bilion. Subsektor-subsektor ini merangkumi 83.2% daripada jumlah pelaburan dalam sektor perkhidmatan.

Pelaburan dalam perdagangan pengedaran mencatatkan peningkatan yang ketara daripada RM2.1 bilion pada 1H2015 kepada RM5.4 bilion dalam tempoh yang sama tahun ini. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pelaburan dalam sektor borong, runcit dan pasar raya besar, yang membentuk 75% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam subsektor ini. Di samping menyediakan lebih 21,000 peluang pekerjaan, pelaburan ini juga akan mewujudkan ribuan limpahan manfaat untuk perniagaan tempatan. Ini termasuk pelaburan yang diumumkan oleh Kumpulan Lulu yang berpangkalan di UAE dan Aeon Co. yang berpangkalan di Jepun. Pembukaan rasmi Lulu Hypermarket di Kuala Lumpur baru-baru ini adalah yang pertama daripada 10 cawangan yang dirancang di Malaysia. Aeon telah menyatakan bahawa syarikat itu merancang untuk membuka dua pusat membeli-belah baru tahun depan di Johor dan Sarawak.

Dalam 1H2016, MIDA telah meluluskan 128 pertubuhan perkhidmatan global dengan pelaburan sebanyak RM7.3 bilion. Kelulusan 10 Hab Prinsipal menyumbang 97.5% kepada jumlah keseluruhan. Syarikat-syarikat yang telah diluluskan termasuk Super Group, JCY dan Honeywell. "Pembukaan pertubuhan global ini akan meningkatkan permintaan untuk profesional dalam pengurusan rantai bekalan, pengurusan kewangan & perbendaharaan, dan perkhidmatan data & maklumat untuk memenuhi keperluan rangkaian global syarikat. Ada di antara syarikat-syarikat ini akan menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau bagi perolehan dan pengedaran produk mereka. Ini akan mewujudkan penggunaan yang lebih tinggi ke atas pelabuhan dan lapangan terbang kita dan juga secara tidak langsung menggalakkan pertumbuhan penyedia logistik tempatan," kata Menteri itu.

Sektor Perkilangan

Di bawah Rancangan Malaysia ke-11, tiga (3) subsektor pemangkin iaitu kimia, elektrik dan elektronik (E&E) dan industri jentera dan kelengkapan (M & E); dan dua (2) sub-sektor berpotensi mencatat pertumbuhan tinggi iaitu aeroangkasa dan peranti perubatan telah dikenal pasti untuk memacu pertumbuhan sektor pembuatan. Subsektor '3 + 2' ini telah dipilih kerana kesalinghubungan kuat mereka untuk subsektor lain dan secara tidak langsung kapasiti mereka akan menjadi asas untuk menyokong pembangunan keseluruhan sektor perkilangan.

"Dalam 1H2016, jumlah pelaburan yang diluluskan bagi subsektor ini adalah RM10 bilion, 51% daripada jumlah keseluruhan. Produk-produk E&E, kimia dan bahan kimia, M&E dan peranti perubatan, khususnya, telah menyumbang lebih daripada 50% kepada eksport barangan perkilangan pada 1H2016," kata Dato' Sri Mustapa.


Pelaburan yang diluluskan mengikut subsektor pemangkin dan subsektor berpotensi mencatat pertumbuhan tinggi adalah seperti berikut:

No.	Industri	Bil Projek Diluluskan	Pelaburan (RM bilion)
1.	Elektrikal & elektronik	40	5.85
2.	Peranti perubatan	24	1.68
3.	Kimia & produk kimia	42	1.67
4.	Jentera & peralatan	35	0.66
5.	Aeroangkasa	2	0.16
	Jumlah	143	10.02

Malaysia terus menarik pelaburan asing dalam tahap yang menggalakkan dalam sektor perkilangan bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2016. Pelaburan asing berjumlah RM12.5 bilion atau 63.8% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan bagi tempoh ini. Sumber-sumber utama pelaburan asing dalam 1H2016 adalah United Kingdom (RM2.07 bilion), China (RM1.58 bilion), Korea (RM1.52 bilion), Singapura (RM1.46 bilion), dan Jepun (RM0.91 bilion).

Projek-projek perkilangan yang diluluskan akan mewujudkan 32,310 peluang pekerjaan di mana 7,130 atau 22.1% daripada pekerjaan ini adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan manakala 20,240 atau 62.4% adalah bagi kategori tenaga mahir.

Projek Perkilangan Mengikut Negeri



Lima penerima pelaburan utama ialah Johor, Selangor, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak. Pelaburan dalam negeri-negeri ini menyumbang 77% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan. Projek-projek ini akan menyumbang lebih daripada 22,700 peluang pekerjaan kepada negeri-negeri ini.

Sektor Utama

Sektor utama menyumbang 1% kepada jumlah projek yang diluluskan pada 1H2016. Subsektor perlombongan terus mendahului dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM1.02 bilion, diikuti perladangan dan komoditi dengan RM211.1 juta dan pertanian dengan RM61.2 juta.

Kesimpulan

"Walaupun berhadapan dengan senario ekonomi semasa, terdapat minat yang berterusan oleh pelabur asing untuk melabur dalam projek-projek berkualiti dalam bidang pertumbuhan baru dan teknologi baru muncul. Dengan kehadiran kukuh FDI di negara ini, kita percaya bahawa ekosistem rantaian bekalan dan perkhidmatan berkaitan kita akan terus berkembang. Bagi melengkapi FDI, MITI/MIDA akan terus membantu syarikat-syarikat Malaysia untuk mengukuhkan kecekapan dan meningkatkan daya saing mereka," kata Dato' Sri Mustapa.

"Setakat Ogos 2016, MIDA mempunyai 264 projek dalam perancangan dengan pelaburan bernilai RM30.8 bilion bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. Projek-projek ini terutamanya dalam produk kimia & kimia, jentera & logam, teknologi pengangkutan, pertumbuhan global dan hospitaliti. Projek-projek ini berpotensi menyediakan lebih 20,000 lagi pekerjaan untuk rakyat Malaysia. Kami menjangkakan cadangan pelaburan ini akan diproses menjelang akhir tahun ini," kata YB Menteri.
